

Mahathir — jamin pemodal2 tak ada kesulitan tubuh industri

NEW YORK, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan para pengusaha asing tidak akan mengalami kesulitan menubuhkan perusahaan baru di Malaysia kerana tenaga kerjanya mudah menerima kemahiran dan teknik baru.

Berucap ketika memberi peneraangan kepada pengarang-pengarang firma penerbitan MacGraw Hill di sini, beliau berkata, kepercayaan pekerja-pekerja Malaysia mempelajari kemahiran baru adalah jelas dengan bertambah pesatnya perusahaan elektronik dan memotong berlian.

Melindungi

Dalam perusahaan elektronik yang merupakan satu bidang baru di Malaysia, tenaga kerjanya kini terlibat dalam teknik-teknik yang lebih sofistikated sementara kilang-kilang yang sedia wujud menggunakan alat kelengkapan yang lebu moden.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian mengatakan, Malaysia kini telah muncul sebagai pusat memotong berlian yang terbesar di dunia.

Menurutnya, perusahaan memotong berlian belum lagi wujud di Malaysia apabila seorang pengusaha Belgium membuka kilang seumpama itu di Kelantan beberapa tahun lalu.

Kilang tersebut yang sekarang mempunyai 650 orang pemotong berlian merancang hendak menambah tenaga kerjanya kepada kira-kira 1,000 orang.

Timbalan Perdana Menteri berkata di samping berkehendakkan kemajuan dalam teknologi yang lebih sofistikated, Malaysia juga berminat untuk menarik lebih ramai pelabur asing menanam modal di negara ini.

Mengenai penempatan industri, Dato Sri Dr. Mahathir memberitahu perkara itu bergantung kepada jenis projek dan bahan-bahan mentah yang diperlukan.

Katanya, masa ini kira-kira 62 peratus daripada jumlah perusahaan di Malaysia terletak di kawasan-kawasan yang kurang maju.

Ditanya mengenai

MUKA 12 ruang 3

Syarikat2 minyak masih dikaji —Mahathir

DARI MUKA 1

keputusan Syarikat Minyak Conoco menarik diri dari menyertai kegiatan mencarigali minyak di Malaysia, beliau menjelaskan kerajaan Malaysia terpaksa melindungi simpanan petroliam dan gasnya.

"Kami tidak terburu-buru untuk mencarigali sumber minyak di kawasan simpanan yang sedia ada kerana kami mempunyai simpanan wang dan kedudukan imbalan bayaran yang begitu kukuh dan lagi pun nilai dollar Amerika dewasa ini tidak memerlukan negara mengambil keputusan serta merta bagi mengeluarkan lebih banyak kawasan carigali minyak" ujar beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan bahawa Malaysia masih mengkaji syarikat-syarikat minyak yang boleh mendatangkan faedah yang lebih kepada negara.

Menjawab soalan lain, beliau berkata Malaysia juga berminat menarik lebih ramai pengusaha asing menubuhkan perusahaan yang berasaskan getah kerana ketika ini hanya 2.3 peratus daripada jumlah pengeluaran getah di negara itu digunakan oleh industri pembuatan tempatan. — Bernama.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia